



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA JELAJAH BELIA RUKUN NEGARA

**PUTRAJAYA**, 8 Oktober 2024 – Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dengan kerjasama Pertubuhan IKRAM Malaysia telah mengerakkan Jelajah Belia Rukun Negara bermula pada bulan Oktober 2024 sehingga awal tahun 2025 di seluruh negara melibatkan 1,200 peserta yang berumur 18 sehingga 30 tahun.

Usaha ini adalah susuluan daripada keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) pada 29 Februari 2024 yang telah meluluskan supaya Modul Penghayatan Rukun Negara dibangunkan dan diaplikasikan dalam Jelajah Belia Rukun Negara yang akan dilaksanakan di 6 buah zon negeri. Tujuan utama inisiatif ini adalah bagi membentuk kemenjadian Belia Menjiwai Rukun Negara sekaligus mengiktiraf peserta sebagai Duta Kecil Rukun Negara. Pelaksanaan Jelajah Belia Rukun Negara ini menggariskan dua (2) objektif yang utama iaitu:

- I. Meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan pembudayaan Rukun Negara dalam kehidupan seharian
- II. Mencambahkan idea, falsafah dan pemahaman berkaitan agenda penghayatan Rukun Negara sebagai agen penyatuan dalam kalangan belia.

Tema pelaksanaan Jelajah Belia Rukun Negara adalah Menjiwai Rukun Negara. Tema ini signifikan dengan usaha memastikan roh dan semangat Rukun Negara dihayati sebagai pembina dan pengikat perasaan semangat cintakan negara sentiasa tersemat dalam jiwa kita. Sebanyak empat (4) tema utama dicadangkan dalam modul Penghayatan Rukun Negara iaitu Kenapa dan Mengapa?, Mendakap Kepelbagaian, Kefahaman yang Mendalam terhadap Rukun Negara serta Pembinaan Jati Diri dan Nilai Kemanusiaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata pemekaan setiap cita-cita dan prinsip Rukun Negara perlu dipasak dalam jiwa anak muda untuk membentuk belia yang mempunyai wawasan serta hala tuju yang jelas sebagai rakyat Malaysia yang menghargai kedamaian dan kepelbagaian adat budaya yang sedia ada. Dengan menghayati Rukun Negara, belia dapat berperanan aktif dalam pembangunan negara dan memupuk semangat patriotisme yang kukuh

Rukun Negara menterjemahkan kemajmukan dan kepelbagaian yang ada dalam negara Malaysia yang bertunjangkan konsep membudayakan perpaduan, meraikan kepelbagaian. Konsep yang berprinsipkan perlunya kefahaman, penghormatan dan penerimaan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah teras kelangsungan kesepaduan sosial dan keharmonian yang sedia ada dalam negara kita.

**Kementerian Perpaduan Negara**

8 Oktober 2024